

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (19)



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 14 TAHUN 2022

PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU):

BAHAGIAN TADBIR URUS KEWANGAN

BAB E - PENYEDIAAN DAN PEMBENTANGAN LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pejabat Bendahari

15 November 2022

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (19)

15 November 2022

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 14/2022

PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU):

BAHAGIAN TADBIR URUS KEWANGAN

BAB E - PENYEDIAAN DAN PEMBENTANGAN LAPORAN TAHUNAN DAN

PENYATA KEWANGAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang pindaan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU): Bahagian Tadbir Urus Kewangan, Bab E Penyediaan Dan Pembentangan Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan (LTPK) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 PKPU telah dikemas kini dengan mengambil kira pindaan semasa yang dibuat oleh Perbendaharaan dan penambahbaikan proses di UTeM serta telah diluluskan pemakaiannya dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2019 pada 15 Ogos 2019.

2.2 Peraturan sedia ada yang digariskan dalam Bab E, Penyata Kewangan, Bahagian Tadbir Urus, PKPU menyentuh konsep perakaunan, objektif asas dan keperluan-keperluan maklumat untuk kegunaan pihak-pihak yang berminat termasuk proses penyediaan Penyata Kewangan Universiti. Peraturan ini telah disediakan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1 termasuk Surat Kementerian Kewangan rujukan KK/BSBB(S)10/16/03 JLD.7 (SK.3)(13) bertarikh 15 September

2016 mengenai Pemakaian Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS) oleh Badan Berkanun Persekutuan.

2.3 Pada tahun 2021, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan PA 3.2 berhubung Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang telah mula berkuat kuasa mulai 16 Ogos 2021. Dengan penguatkuasaan Pekeliling ini, Pekeliling dan Surat Arahan Perbendaharaan terdahulu seperti berikut adalah dibatalkan:

2.3.1 Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1 (Garis Panduan untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan);

2.3.2 Kementerian Kewangan rujukan KK/BSBB(S)10/16/03 JLD.7 (SK.3)(13) bertarikh 15 September 2016 mengenai Pemakaian Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS) oleh Badan Berkanun Persekutuan; dan

2.3.3 Surat Kementerian Kewangan rujukan KK/BSBB(S) 10/16/03 JLD.9 (SK.1)(9) bertarikh 9 Disember 2016 mengenai Pemakaian Piawaian Perakaunan bagi Rangka Kerja Pelaporan Penyata Kewangan oleh Badan Berkanun Persekutuan bagi Tahun 2016 dan Tahun-tahun berikutnya.

2.4 Seksyen 5 Akta 240 memperuntukkan supaya penyata kewangan bagi semua BBP diaudit oleh Ketua Audit Negara (KAN). Seksyen 8 Akta 240 pula memperuntukkan bahawa LTPK BBP yang telah diaudit hendaklah dengan seberapa segera yang boleh dibentangkan di Parlimen.

2.5 Bagi memastikan LTPK yang telah diaudit dapat dibentangkan di Parlimen seberapa segera yang boleh setelah menerima penyata kewangan yang diaudit oleh Ketua Audit Negara, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui surat rujukan KPT.BPPD(R).100-1/18/7 (13) bertarikh 26 Januari 2022 telah meminta semua Universiti Awam

untuk memberi perhatian terhadap garis masa yang ditetapkan di Lampiran E Pekeliling Perbendaharaan PA 3.2 serta keperluan-keperluan lain yang dinyatakan dalam Pekeliling tersebut.

3.0 PINDAAN

3.1 Peraturan yang telah dipinda atau dikemas kini secara keseluruhannya seperti pada Bahagian Tadbir Urus Kewangan, Bab E Penyediaan Dan Pembentangan Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan UTeM ini mengandungi tiga bahagian iaitu:

3.1.1 Bahagian I - Penyediaan Laporan Tahunan;

3.1.2 Bahagian II - Penyediaan Penyata Kewangan; dan

3.1.3 Bahagian III - Panduan Proses Kerja bagi Penyediaan dan Pembentangan LTPK Universiti

3.2 Empat (4) perkara penting yang perlu diberi perhatian dengan pindaan PKPU ini adalah:

3.2.1 Universiti dikehendaki untuk mengemukakan Penyata Kewangan kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan. Sebelum ini, tarikh penghantaran adalah berdasarkan sasaran atau jadual yang ditetapkan KPT secara tahunan yang mana Penyata Kewangan Universiti perlu dikemukakan untuk tujuan pengauditan pada bulan Februari setiap tahun;

3.2.2 Universiti dikehendaki untuk mengemukakan LTPK kepada KPT dalam tempoh sebulan selepas menerima Sijil Audit daripada Jabatan Audit Negara;

- 3.2.3 pembatalan keperluan laporan dan perangkaan kewangan untuk Nota Jemaah Menteri (NJM) yang mana sebelum ini perlu disediakan dalam tempoh 3 minggu selepas berakhirnya tahun kewangan; dan
- 3.2.4 Universiti perlu menyediakan Laporan Tahunan Universiti berdasarkan kandungan dan maklumat yang telah ditetapkan Kementerian Kewangan.
- 3.3 Penyediaan LTPK UTeM ini juga hendaklah dibaca secara bersekali dengan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] dan Akta Tubuh UTeM serta arahan-arahan Kerajaan lain yang berkuat kuasa.
- 3.4 Pindaan peraturan di Para 3.0 di atas telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 5/2022 yang bersidang pada 4 November 2022. Sehubungan dengan itu, PKPU telah dipinda seperti mana peraturan pada Bahagian Tadbir Urus Kewangan, Bab E Penyediaan Dan Pembentangan Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan UTeM.

4.0 PEMAKAIAN

- 4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.
- 4.2 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu <https://pkpu.utem.edu.my/>

Sekian, harap maklum.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MJ/pindaanPKPUBabE/2022